



**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA**

**MAKLUMBALAS AKHBAR UTUSAN MALAYSIA
“APA JADI DENGAN SISTEM AMARAN AWAL BENCANA?”**

1. Berikut adalah maklum balas rasmi PRABN kepada kenyataan MCA Selangor bertarikh 18 September 2025;
2. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengambil maklum kenyataan yang dikeluarkan oleh MCA Selangor berhubung keberkesanan Sistem Amaran Awal Bencana susulan kejadian banjir di beberapa kawasan pada 10 hingga 15 September 2025. JPS menegaskan komitmen tidak berbelah bahagi dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat, serta menjelaskan tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan dalam pengurusan bencana banjir. Dalam usaha ini, sentiasa ada ruang untuk penambahbaikan, dan usaha berterusan sedang giat dijalankan untuk memperkukuh sistem sedia ada.
3. Program Ramalan Dan Amaran Banjir (PRAB) Fasa 2 di Selangor melibatkan 280 stesen dan sedang dalam proses akhir pembangunan. PRAB di Selangor dijangka siap sepenuhnya pada 25 Oktober 2025. Penyiapan projek ini merupakan langkah signifikan dalam meningkatkan liputan dan ketepatan sistem amaran awal terutamanya di Selangor.
4. Bagi tempoh dari 10 September 2025 sehingga 18 September 2025, JPS telah menerima dan menganalisis 28 amaran ribut petir daripada Met Malaysia, dan menghasilkan maklumat terperinci mengenai kawasan yang dijangka menerima hujan lebat dan sangat lebat telah dikongsikan di peringkat JPS Negeri. Bagi tempoh yang sama, model ramalan banjir tidak

menunjukkan indikasi banjir di Selangor, dan ini menjelaskan mengapa tiada amaran banjir berkaitan dihebahkan secara meluas di Negeri Selangor.

5. Namun begitu, PRABN memberikan notifikasi semasa berkaitan status aras air sungai dan hujan melalui portal Public InfoBanjir untuk seluruh negara dan dikemaskini setiap 15 minit yang mana ia boleh diakses oleh semua. Data yang sama juga dikongsikan secara terus kepada sistem NADMA yang dipantau di National Disaster Command Center (NDCC).
6. Dalam aspek kesiapsiagaan model ramalan banjir hidrodinamik, di Selangor terdapat lima (5) lembangan sungai utama dibangunkan iaitu Sungai Bernam, Sungai Selangor, Sungai Buloh, Sungai Klang, dan Sungai Langat dan telah siap pada 27 Jun 2025. Model ini adalah instrumen penting dalam memantau aras air dan potensi risiko banjir.
7. Berkenaan sistem siren, daripada 104 stesen siren di bawah PRAB Selangor Fasa 2, 16 stesen di Gombak dan Hulu Selangor telah dimasukkan dalam Public Info Banjir. Berdasarkan semakan, semua stesen berstatus normal bermula dari 1 September 2025 sehingga 18 September 2025. JPS sentiasa memastikan semua stesen siren berfungsi pada setiap masa. Penyelenggaraan berkala turut dilaksanakan agar sistem beroperasi secara optimum.
8. JPS ingin memberi jaminan kepada seluruh rakyat bahawa kami sentiasa komited untuk mempertingkatkan sistem amaran awal bencana dan responsif terhadap setiap insiden. Kami akan terus bekerjasama rapat dengan semua agensi berkaitan dan pihak berkepentingan untuk memastikan penyampaian maklumat yang tepat dan pantas, serta pelaksanaan langkah-langkah mitigasi yang berkesan. Maklum balas yang konstruktif sentiasa dihargai dalam usaha bersama kita untuk membina Selangor yang lebih berdaya tahan terhadap bencana alam.

Ketua Pengarah

Jabatan Pengairan dan Saliran, Malaysia

20 September 2025